

USIM komited lahir graduan **versatil**

Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menawarkan tempat kepada 2,493 pelajar baru bagi mengikuti pengajian peringkat sarjana muda sesi 2014/2015, daripada keseluruhan 24,867 pelajar yang membuat permohonan memasuki institusi pengajian tinggi itu.

Majlis amanat dan lafaz ikrar pelajar terbabit diadakan di Dewan Besar USIM, petang kelmarin.

Naib Canselor USIM Datuk Dr Musa Ahmad berkata, mereka akan mengikuti 25 program bidang pengajian di lapan fakulti di kampus induk itu yang menjurus kepada bidang pengajian agama, sains, tek-

nologi dan pengurusan.

Katanya, fokus utama USIM adalah untuk melahirkan pelajar Islam yang berkelayakan sebagai golongan profesional selain mempunyai kefahaman dan penghayatan terhadap ilmu Islam.

"USIM sebagai universiti berte-raskan ilmu naqli dan aqli akan terus berusaha memperkasakan pelajarannya dengan semangat jati diri yang teguh selain mempunyai kemahiran profesional lengkap dalam usaha memastikan graduannya mampu bersaing dalam dunia pekerjaan yang semakin mencabar.

"Kita akan terus memperku-kuh reputasi universiti ini sebagai pelopor kepada pengajian dan penyelidikan berasaskan sains Islam, bagi melahirkan insan berilmu serta berkemahiran, demi untuk menyumbang kepada kemajuan dan memartabatkan agama, bangsa dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Amanat dan Lafaz Ikrar Pelajar Baharu USIM, yang dirasmikan Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Profesor Emeritus Tan



SEBAHAGIAN pelajar baru USIM yang hadir pada pembacaan ikrar.

Sri Datuk Dr Abdul Shukor Husin dan Timbalan Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Mohd Hasim Dolah.

Dalam pada itu, Dr Musa berkata,

USIM akan terus melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat bagi mendekatkan pelajar dengan masyarakat luar.